

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa jurang ekonomi di antara komuniti Bumiputera semakin luas dan apakah yang menyebabkan ianya sebegitu dan apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasinya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jurang perbezaan sosio-ekonomi antara etnik di Malaysia bermula semenjak penjajah Inggeris memperkenalkan dasar pecah dan perintah. Akibat daripada dasar ini, etnik Bumiputera kekal dengan aktiviti pertanian dan tinggal di kawasan luar bandar. Keadaan ini kekal berterusan sehingga Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 dengan matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Ianya juga bertujuan mengatasi ketidakseimbangan pendapatan antara etnik di Malaysia dan seterusnya mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional.

Di antara faktor lain yang menyumbang kepada permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penyertaan guna tenaga Bumiputera di peringkat pengurusan tertinggi dan profesional berdaftar masih rendah;
- (ii) pemilikan ekuiti dalam sektor korporat masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan;
- (iii) kekurangan keupayaan untuk memiliki hartanah di lokasi yang strategik; dan
- (iv) kekurangan keupayaan modal dan akses kepada kemudahan pembiayaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat Bumiputera dengan melaksanakan program dan strategi seperti berikut:

- (i) mempergiatkan program-program latihan kemahiran yang menepati kehendak industri terutamanya dalam sektor bernilai ditambah tinggi seperti bioteknologi, pembuatan serta minyak dan gas;
- (ii) meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pegangan dan penguasaan saham ekuiti syarikat melalui pegangan individu atau institusi. Di antara program yang berkaitan adalah galakan pelaburan melalui skim Amanah Saham Bumiputera 2 dan pengukuhan Skim Jejak Jaya Bumiputera;
- (iii) meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan iaitu hartanah kediaman, komersil dan perindustrian di lokasi-lokasi strategik dengan kerjasama agensi seperti institusi dan agensi hartanah Bumiputera seperti Yayasan Wakaf Malaysia, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA); dan
- (iv) program pembangunan keusahawanan yang bersesuaian dan komprehensif untuk setiap kategori dan peringkat perniagaan.

Melalui pelaksanaan program dan strategi tersebut, jurang sosioekonomi Bumiputera telah berjaya dikurangkan dan semakin bertambah baik. Ini dapat dilihat berdasarkan indikator seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata bagi kumpulan isi rumah 20% tertinggi, 40% pertengahan & 40% terendah, 2012-2014*

Etnik	20% tertinggi		40% Pertengahan		40% terendah	
	2012	2014	2012	2014	2012	2014
MALAYSIA	12,159	14,293	4,537	5,338	1,847	2,312
Bumiputera	10,666	12,725	4,123	4,847	1,686	2,145
Cina	15,254	17,766	5,836	6,766	2,455	2,894
India	13,127	13,779	4,589	5,273	1,937	2,407

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

*Data 2014 ini merupakan penemuan data awalan bagi dapatan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014

Manakala, jurang di antara penduduk Bumiputera bandar dan luar bandar juga dilihat semakin seimbang melalui pencapaian dari segi kadar kemiskinan, purata pendapatan dan pekali Gini seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Kadar kemiskinan, purata pendapatan dan pekali Gini Bumiputera berdasarkan strata, 2012-2014*

Strata	Kadar kemiskinan (%)		Purata pendapatan (RM)		Pekali Gini	
	2012	2014	2012	2014	2012	2014
Bandar	1.4	0.7	5,301	6,168	0.406	0.401
Luar Bandar	3.6	2.9	3,010	3,501	0.380	0.367

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

*Data 2014 ini merupakan penemuan data awalan bagi dapatan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014

Untuk jangka masa panjang, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi di kalangan dan juga antara etnik melalui pelaksanaan dasar dan program yang secara efektif dan komprehensif.

Sekian. Terima kasih.